

AHDAA perlu buat audit mengejut

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my


PUTRAJAYA: Akreditasi dan Pembangunan Halal Australia (AHDAA) sepatutnya mengambil langkah membuat audit mengejut oleh pasukan audit bebas ke atas rumah sembelihan yang didakwa melanggar protokol halal, bukan menafikan dakwaan dengan menyatakan ia satu rekaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas pekerja rumah sembelihan tu yang dikenali sebagai Osama berkata, ini bagi membuktikan keutuhan integriti halal oleh badan itu.

Dia terkejut dengan penafian AHDAA yang seolah-olah menyindir Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sebagai tidak cekap menjalankan audit secara menyeluruh terhadap badan itu yang sedang dalam proses mendapatkan kelulusan Jakim.

Pendedahan kepada umum tentang salah laku itu, katanya, adalah bagi memelihara protokol halal agar umat Islam tidak termakan bangkai.

Apatah lagi, katanya, aduan telah dibuat beberapa kali ke-



KEDUDUKAN jambatan penghubung menggunakan tali sawat penghantar dari rumah sembelih untuk menghantar daging lembu ke stor penyimpanan milik sebuah syarikat lain yang didakwa turut menyimpan daging babi dalam bangunan yang sama, sekali gus melanggar protokol halal yang wajib dipatuhi.

pada wakil AHDAA dan penyelia halal yang ditugaskan di rumah sembelihan itu namun tiada tindakan sewajarnya diambil.

Malah, katanya, percampuran antara daging lembu dengan daging babi di tempat simpanan

bersebelahan dengan rumah sembelihan itu juga perlu dijawab AHDAA.

Lebih menimbulkan keraguan ialah apabila pekerja penyembelih muslim tidak dibenarkan memasuki bangunan stor simpanan

daging untuk melihat sama ada diasingkan atau bercampur dengan daging babi.

“Memang benar tidak ada daging babi diproses di rumah sembelihan ini, tetapi terdapat jambatan penghubung yang menggunakan tali sawat penghantar (*conveyor belt*) dari rumah sembelih ini untuk menghantar daging lembu ke stor penyimpanan syarikat lain yang turut menyimpan daging babi di bangunan yang sama.

“Kami tahu AHDAA mempunyai sistem dan standard halal terbaik yang ditetapkan kepada semua rumah sembelih seliaan mereka, tetapi sejauh mana AHDAA mengetahui setiap rumah sembelih mematuhiinya?”

“Pelanggaran protokol halal ini benar-benar terjadi memandangkan kami sebagai bekas penyembelih yang pernah bekerja di situ bertahun-tahun menyaksikan dengan mata kepala sendiri dengan sokongan bukti berdokumen bagi membuktikan ia bukan sengaja direka cipta,” katanya di sini semalam.

Seorang lagi bekas pekerja yang dikenali sebagai Umar

mendakwa, sebuah lagi rumah sembelihan yang turut mendapat pengiktirafan halal AHDAA sewenang-wenangnya membawa masuk produk babi untuk dijual kepada pekerjaanya mengikut permintaan.

Perbuatan sedemikian sah melanggar protokol halal sebagaimana disyaratkan dalam perakuan halal terhadap sebuah rumah sembelih untuk tidak membenarkan sebarang produk babi dibawa masuk ke lokasi sama dengan produk daging halal atas apa jua alasan sekali pun.

Akhbar ini sejak minggu lalu mendedahkan pengakuan tiga bekas pekerja berhubung ketidakpatuhan halal sebuah rumah sembelihan di sana selepas isu sama berlaku di Thomas Food Industries (TFI) di Lobethal, Australia.

Osama berkata, pihak AHDAA juga sepatutnya mengambil perkara ini sebagai satu usaha untuk memperbaiki amalan yang tidak betul.

“Jika AHDAA bersikap terbuka, ia sekali gus mampu meningkatkan kredibiliti AHDAA di mata dunia,” katanya.